

Iktiraf UEC cetus masalah

KUALA LUMPUR 19 Julai - Pengiktirafan terhadap Sijil Peperiksaan Bersama (UEC) dikhuatiri akan menimbulkan masalah terhadap universiti awam dan sektor awam.

Profesor Kejuruteraan Kimia, Fakulti Kejuruteraan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Datuk Dr. Wan Ramli Wan Daud berkata, secara profesionalnya pemegang UEC tidak layak diterima masuk ke universiti awam kerana kurang fasih dalam bahasa Melayu.

Menurut beliau, pemegang UEC juga tidak mempunyai pengetahuan sejarah yang sama dengan yang dipelajari oleh pelajar-pelajar lepasan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM).

"Bagaimana kita nak terima dan iktiraf UEC, kita kena profesional. Jika diterima pelajar ini nanti akan bermasalah dan kita mesti berlaku adil kepada mereka, jika tak pandai

dalam bahasa Melayu kenapa kita perlu paksa mereka masuk, nanti universiti terpaksa membuat kelas peralihan khas buat mereka," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menjadi ahli panel dalam Bicara Persada 47 Pasca PRU-14 yang bertajuk *Benarkah Pemartabatan Bahasa Kebangsaan Masih Belum Terungkai* di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi dekat sini, hari ini.

Sementara itu, Ridhuan Tee mempersoalkan mengapa UEC perlu diiktiraf sedangkan sijil itu tidak mematuhi sistem yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan.

"Tahap mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah mereka juga tidak sama jadi kenapa perlu kita iktiraf mereka? Ini tidak adil buat pelajar lepasan SPM serta Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)," jelasnya.